

02/09/1999

Bukti rakyat menjaga maruah negara

SELAMA dua malam berturut-turut, rakyat menyaksikan detik bersejarah terhadap kemajuan dan pencapaian negara menerusi sambutan simbolik hari kebangsaan. Pada malam 31 Ogos lalu di Stadium Nasional Bukit Jalil, kira-kira 100,000 rakyat pelbagai kaum hadir menyaksikan detik negara menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-42 menerusi pelancaran 'Malaysia Seabad Ke Alaf Baru', selain berjuta lagi menonton menerusi televisyen. Malam semalam pula, rakyat menyaksikan pula perasmian Menara Berkembar Petronas yang menjadi lambang kemegahan negara. Ini tidak termasuk acara berasingan lain yang dianjurkan pelbagai pihak sama ada membabitkan kerajaan negeri atau swasta. Masing-masing mengambil bahagian dengan cara tersendiri.

Di sudut hati setiap rakyat, mereka pastinya berbangga dengan kejayaan negara yang dicapai setakat ini. Jika sebelum ini hari kebangsaan disambut semata-mata untuk mengingati sejarah perjuangan bangsa, hari ini pula rakyat dapat melihat isi daripada perjuangan bangsa. Jika sebelum ini setiap negeri dan daerah hanya menganjurkan acara perbarisan, kali ini negara mempunyai sesuatu yang unik untuk ditonjolkan kepada dunia.

Memang inilah yang diharapkan oleh bangsa Malaysia ketika mereka menuntut kemerdekaan kira-kira 42 tahun lalu. Matlamat utamanya bukanlah untuk bermegah-megah tetapi membuktikan rakyat Malaysia boleh menguruskan negara mereka, lebih baik daripada sesetengah bangsa lain di dunia. Jika sebelum ini orang asing menganggap negara ini akan terus mundur jika diperintah sendiri oleh rakyatnya, ternyata anggapan itu meleset. Ketika Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memasuki stadium bersama kereta nasional ke dalam stadium, penonton memberi tepukan bergemuruh. Begitu juga, ketika lagu Negaraku dinyanyikan beramai-ramai oleh penonton yang berdiri beramai-ramai, ia secara spontan memberi gambaran betapa kasihnya mereka kepada negara ini. Suasana paling mengharukan ialah ketika seluruh penonton secara spontan melaungkan "Merdeka, Merdeka, Merdeka" sambil mengangkat tangan, yang membuktikan penyatuan suara seluruh rakyat tanpa mengira kaum dan warna kulit serta peringkat umur.

Ia membuktikan kepada dunia bahawa rakyat Malaysia tetap bersatu menghadapi apa juga suasana. Ikrar rakyat ialah 'kami lebih berjaya' daripada banyak negara lain yang juga diberi hak menentukan hala tuju pembangunan negara masing-masing.

Sewaktu menyambut detik bersejarah di Stadium Nasional Bukit Jalil, rakyat tidak menghiraukan hujan lebat pada sebelah petangnya. Rakyat daripada segenap lapisan umur, termasuk remaja, mengambil kesempatan untuk menghayati erti kemerdekaan. Kehadiran mereka bukanlah untuk menyaksikan pesta semata-mata, tetapi mahu membuktikan sokongan kepada negara mereka.

Golongan yang sebelum ini menganggap stadium itu akan menjadi gajah putih, membuat perhitungan yang salah. Ternyata bahawa projek mega yang dilaksanakan oleh kerajaan bukanlah satu pembaziran tetapi ia sejajar dengan keperluan negara pada masa akan datang. Pada malam itu, ribuan lagi manusia berada di luar stadium kerana semua tempat duduk sudah pun diisi sejak awal-awal lagi. Mungkin dalam tempoh beberapa tahun akan datang, stadium itu perlu diperbesar pula. Satu petanda yang memberangsangkan ialah ramai antara penonton datang ke perayaan itu menggunakan perkhidmatan Sistem Transit Aliran Ringan (LRT). Semua ini menunjukkan segala perancangan dilaksanakan dengan begitu teliti. Melihat kepada penonton yang tidak sedikit pun berganjak hingga segala persembahan selesai, jelas membayangkan mereka begitu setia memberi sokongan. Semua

upacara berjalan lancar dan tertib. Sikap penonton yang begitu berdisiplin pada malam itu juga membuktikan rakyat negara ini begitu menjaga maruah bangsa mereka. Jika sikap ini dapat diteruskan, rakyat Malaysia akan terus dipandang tinggi di mata dunia.

Perasmian Menara Berkembar Petronas pula memberi keyakinan kepada rakyat bahawa pembangunan yang dilaksanakan di negara ini mempunyai pengertian begitu besar. Pelancaran bangunan tertinggi di dunia itu bukan saja mendapat liputan meluas di dalam negara, malah menarik perhatian di seluruh dunia. Bagi mereka yang tidak berbangga dengan kejayaan negara, pemikiran mereka jelas tertutup. Menjelang kedatangan baru alaf akan datang, semangat yang ditunjukkan membayangkan Malaysia sudah cukup bersiap sedia.

(END)